

Projek RM64 bilion bakal diagih

Sektor pembinaan tempatan dijangka terima manfaat sepanjang 2012

Oleh Shahrizan Salian

shahrizan@bharian.com.my

SEKTOR pembinaan tempatan bakal menerima manfaat besar apabila beberapa kontrak projek mega yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM64 bilion dijangka diagihkan sepanjang tahun ini.

Selain kontrak bagi projek My-Rapid Transit (MRT) Lembah Klang laluan Sungai Buloh-Kajang bernilai RM20 bilion serta projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) sepanjang 316 kilometer dari Banting ke Taiping bernilai RM7 bilion, kontraktor tempatan juga boleh menjangkakan pengagihan kontrak berkaitan projek landasan berkembar elektrik (EDT) dari Gemas ke Johor Bahru bernilai RM7 bilion.

Kontrak bagi pembangunan projek Koridor Sarawak Bagi Tenaga Boleh Diperbaharui (SCORE) yang bernilai RM30 bilion juga dijangka

diagihkan tahun ini.

Bagi projek MRT Lembah Klang, pemilik dan pengendali projek berkenaan, iaitu MRT Co setakat ini menganugerahkan dua daripada lapan pakej kerja sivil RM1.74 bilion kepada IJM Corporation Bhd dan Ahmad Zaki Resources Bhd.

MRT Co sudah mengesahkan 90 lagi kontrak membabitkan enam pakej pembinaan akan diagihkan sebelum pertengahan tahun ini bagi memastikan aliran MRT Sungai Buloh ke Kajang itu dapat disiapkan menjelang Julai 2017.

Projek WCE menanti perjanjian konsesi antara anak syarikat 64 peratus milik Kumpulan Europlus Bhd (KEuro), West Coast Expressway Sdn Bhd dengan Kementerian Kerja Raya dimuktamadkan.

Kerja sivil projek itu yang akan dilaksanakan menggunakan model bina-kendali pindah dengan tempoh konsesi selama 60 tahun dijadual bermula akhir bulan ini dan

kontraknya dijangka mula diagih pada separuh kedua tahun ini.

Sementara itu, dua perunding projek EDT Gemas ke Johor Bahru telah dilantik manakala tender bagi melaksanakan projek berkenaan dijangka dikeluarkan dalam tempoh terdekat ini.

Projek EDT Gemas yang juga bahagian terakhir landasan berkembar elektrik utara ke selatan Semenanjung Malaysia dijadual dimulakan awal tahun tahun ini.

Di **SARAWAK**, beberapa kontrak membabitkan kerja pembinaan infrastruktur, jalan luar bandar, stesen jana kuasa dan empangan dijangka diagihkan dalam suku akan datang khususnya apabila kerajaan baru-baru ini mengumumkan peruntukan RM500 juta untuk membiayai pembangunan pelabuhan laut dalam Samalaju di Bintulu.

Penganalisis OSK Research, Kong Heng Siong, berkata kerajaan akan mempercepatkan pelaksana-

an beberapa projek pembinaan mega yang bernilai berbilion ringgit bagi mewujudkan persekitaran baik di tengah-tengah kelembapan ekonomi global serta menjelang pilihan raya umum ke-13.

Mengenai syarikat yang berpotensi dilantik kontraktor utama kontrak mega itu, beliau berkata TRC Energy dan IJM Bhd mempunyai kedudukan kukuh untuk mendapatkan baki pakej pembinaan MRT manakala konsortium Gamuda-MMC berpeluang cerah memenangi pakej kerja pembinaan terowong yang dianggarkan RM8 bilion.

"Kami juga melihat IJM Bhd berada dalam kedudukan kukuh untuk meraih sekurang-kurangnya separuh daripada kontrak pembinaan WCE berikutan hubungan rapatnya dengan KEuro manakala syarikat tempatan seperti Mudajaya Bhd mungkin berpeluang cerah mendapatkan sebahagian kecil projek itu," katanya.